



Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling tingkatkan penalti dibentang

Oktober 3, 2022 @ 3:11pm

KUALA LUMPUR: Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 2022 untuk meningkatkan penalti tidak melebihi RM10 juta bagi kesalahan termasuk menempatkan, meletakkan atau melupuskan buangan terjadual selain di premis ditetapkan, dibentang untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, hari ini.

Menurut rang undang-undang itu yang bertujuan meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mana-mana individu apabila disabitkan kesalahan itu boleh dihukum tidak melebihi lima tahun penjara dan boleh juga dikenakan denda tidak kurang RM100,000.

Akta berkenaan menyatakan takrifan buangan adalah apa-apa benda yang ditetapkan sebagai buangan terjadual sama ada dalam bentuk pepejal, separuh pepejal, cecair, dalam bentuk gas, atau wap dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan yang menyebabkan pencemaran.

Rang undang-undang itu juga bagi memasukkan takrifan pembakaran terbuka yang bermaksud apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan berlaku di udara bebas dan tidak dihalakan ke udara bebas itu melalui serombong atau cerobong.

Selain itu, individu yang melakukan, membenarkan, mengarahkan atau menyebabkan pembakaran terbuka di mana-mana premis boleh, apabila disabitkan, didenda minimum RM25,000 atau maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Rang undang-undang itu dibentang oleh Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man yang menyatakan bacaan kali kedua akan dibentang pada persidangan sama.